

Kerajaan fokus selesai isu kemudahan di sekolah, hospital

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerajaan pada tahun ini mengutamakan untuk menyelesaikan masalah infrastruktur sekolah dan kemudahan kesihatan yang begitu mendesak

dan menyentuh kehidupan setiap rakyat.

Namun, Perdana Menteri berkata, itu tidak bermakna masalah lain tidak dianggap penting untuk diselesaikan, termasuk

mengenai pengangkutan awam dan kesesakan jalan raya, yang mana akan diberi perhatian secara berperingkat pada tahun berikutnya.

“Dengan kekangan kewangan, hutang begitu banyak dan defisit, tentunya kita tidak boleh selesaikan semua masalah dalam masa yang singkat.

“Pada tahun ini, kita nak ambil langkah yang lebih tegas dan berani, belanja yang lebih tinggi untuk selesaikan masalah asas prasarana sekolah, tandas dan kelengkapan awal di sekolah serta klinik kesihatan dan perubatan.

“Sebab itu, dapat dilihat peningkatan yang agak mendadak bagi peruntukan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.

“Saya tidak bermaksud untuk meremehkan atau mengurangkan tekanan mengenai aspek ini (pengangkutan), tetapi dalam strategi kita, tentu apa kita mampu lakukan tahun demi tahun, selain meningkatkan prestasi semua kementerian, saya mahu masalah sekolah di negara kita dan kemudahan kesihatan yang menyentuh semua orang disegekan,” katanya.

Perdana Menteri berkata de-

mikian ketika melancarkan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, soal pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas boleh menjejaskan produktiviti rakyat dan negara yang membawa kepada kerugian kepada pendapatan, justeru akan diberi tumpuan melalui belanjawan tahun depan.

“Terpulang kepada Kementerian Pengangkutan untuk menetapkan keutamaan. Selain MRT laluan Putrajaya yang dilancarkan hari ini (semalam), ada beberapa keperluan lain yang mendesak,” katanya.

Beliau turut menekankan kepentingan mengelak ketirisan dalam proses perolehan membabitkan projek pengangkutan, seperti MRT dan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura yang membabitkan kos berbilion ringgit.

Katanya, kerosakan dan ketirisan bukan hanya membabitkan elit politik, tetapi bidang penguasaan pada pelbagai peringkat yang perlu dipantau dengan lebih rapi.

“Jika tidak diurus dengan baik dan telus, ratusan juta itu bocor ke akaun lain, sama ada akaun parti atau perseorangan yang menyebabkan negara mengalami ketirisan, tapi kalau dapat jimat dengan ketelusan pelaksanaan, kemudahan awam akan dapat diperbaiki,” katanya.

Selain itu, beliau memberi contoh mengenai sebuah yayasan yang diminta membuat pendekatan berbeza untuk membantu rakyat di bawah pentadbirannya, berbanding kerajaan sebelum ini.

Katanya, jika sebelum ini yayasan berkenaan menyalurkan wang sebanyak RM200 juta kepada parti politik, namun di bawah Kerajaan Perpaduan, yayasan itu diminta menyerahkan RM60 juta dan 30 peratus keuntungan kepada pesawah padi.

“Jadi, rakyat termasuk petani dan pesawah yang miskin di utara seperti di Kedah dan Seberang Prai serta Selangor boleh buat pilihan.

“Kita mahu pilih satu sistem, di mana wang daripada syarikat besar dialih kepada individu dan tokoh politik atau diserahkan secara langsung kepada pesawah padi yang miskin,” katanya.